



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

ISNIN, 20 JUN 2022	
1.	Harga ayam tidak terkawal
2.	Jangan berlebihan naikkan harga ayam
3.	Indonesia mulakan vaksinasi lembu
4.	Pelaburan berbaloi Radiance Agrotech
5.	Terima sumbangan lembu, kambing korban RM5.05 juta
6.	Upah potong ayam sampai RM1
7.	Perlu 42,000 ekor tetapi ada 38k saja
8.	Anjing dikatakan harimau putih
9.	Kucing makan tuan -bunyi di telefon bimbit selamat anak kucing
10.	Peniaga digesa perjelas isu caj potong ayam

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.06.2022	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	MUKA DEPAN & 3

Harga ayam tidak terkawal

Oleh ARIF AIMAN ASROL
utusannews@medianulla.com.my

PETALING JAYA: Harga ayam semakin tidak terkawal apabila mula dijual dari RM10.40 sehingga RM11.50 sekilogram, sekali gus melepasi had siling RM8.90 yang ditetapkan.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, sumber industri berkata, kebanyakan pemain industri tidak mengambil peduli tentang harga barang makanan itu walaupun ia adalah barang kawalan.

Katanya, harga ayam naik melebihi kadar siling ditetapkan, malah 'semakin mengarut'.

Malah, tinjauan *Utusan Malaysia* juga mendapati peniaga tidak lagi mengendahkan pematuhan harga, sebaliknya bertindak menaikannya sesuka hati.

"Daripada peringkat ladang, pembekal memperoleh ayam hidup dengan harga RM0.80 hingga RM1.50 untuk sekilogram iaitu peningkatan 20 peratus daripada harga ditetapkan.

"Harga sekarang pun memang sekarang dah naik tanpa mengikut harga kawalan. Rata-rata peniaga di pasar pun sudah menjual dengan harga RM10.40 hingga RM11.50 sekilogram.

"Tak perlu tunggu 1 Julai ini sebab subsidi untuk penternak pun memang ramai yang tidak dapat, apa mereka dapat hanyalah bonus sahaja," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, isu kenaikan harga ayam kembali hangat apabila pemain gergasi industri tersebut akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai ini.

Bersambung di muka 3

Harga ayam tidak terkawal

Dari muka 1

Terdahulu, akhbar ini melaporkan, isu kenaikan harga ayam kembali hangat apabila pemain-pemain gergasi industri tersebut mengumumkan akan menaikkan harga ternakan itu di pasaran bermula Julai ini.

Ia sekali gus membuktikan industri itu masih dikuasai pihak swasta dan kerajaan seolah-olah tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menstabilkan harga demi kepentingan pengguna.

Pengarah Nafas Food Processing and Marketing Sdn. Bhd., Shafiqurrahman Shamsuddin berkata, bukti bahawa industri ayam masih dalam cengkaman pihak swasta jelas dilihat melalui sikap 'besar kepala' pemain gergasi industri ayam yang baru-baru ini secara terbuka mengumumkan bahawa mereka perlu menaikkan harga ayam bermula Julai susulan berakhirnya skim harga runcit maksimum.

Sebelum ini kerajaan memperuntukkan RM720 juta kepada penternak ayam bagi memastikan harga ternakan itu kekal rendah dan mampu dibeli sebahagian besar rakyat, bagaimanapun ia gagal mengengkang kenaikan harga barang makanan yang paling popular di negara ini.

Selain itu, mulai 1 Julai ini kerajaan juga akan menghentikan pemberian subsidi kepada penternak ayam, sebaliknya menyalurkan wang berkenaan kepada golongan B40.

Malah, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini juga mengumumkan penglibatan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Bhd. (Angkasa) dalam keseluruhan ekosistem industri ayam sebagai usaha kerajaan menjamin sekuriti makanan negara.

Langkah kedua-dua pertubuhan yang masing-masing mempunyai seramai sejuta dan tujuh juta ahli melalui 14,835 koperasi diyakini berupaya membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga ayam dan bekalan makanan.

Dalam pada itu, sumber terbabit menambah, pelbagai alasan akan dikemukakan bagi 'menghalalkan' tindakan mereka untuk menaikkan harga ayam di dalam pasaran.

"Pelbagai alasan pasti diberi, antaranya pasti mengenai subsidi, masalah dedak ayam, kekurangan pekerja, anak ayam sakit dan sebagainya lagi.

"Harga akan meningkat hingga mencapai sasaran mereka iaitu ayam akan dijual dengan harga RM12 untuk sekilogram. Jika seekor mampu mencecah RM24," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.06.2022	KOSMO	NEGARA	16

Pihak berkuasa masih boleh bertindak terhadap peniaga kaut untung berlebihan

Jangan berlebihan naikkan harga ayam

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SHAH ALAM – Para peniaga masih boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Kawalan Harga dan AntiPencatutan (AKHAP) 2011 sekiranya didapati mengaut keuntungan berlebihan meskipun harga ayam diapungkan bulan depan.

Pengarah Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Azman Adam berkata, apabila harga diapungkan bererti kedudukan harga akan berasaskan kepada bekalan dan penawaran.

Katanya, pihaknya percaya kerajaan mempunyai mekanisme untuk membantu golongan terkeasan.

"Walaupun tidak wujud lagi harga siling ayam, namun KPDNHEP masih lagi mempunyai kuasa di bawah AKHAP untuk menyasat sekiranya berlaku elemen pencatutan.

"Kalau kenaikan itu tidak munasabah, kita masih ada kuasa



SKIM harga maksimum runcit ayam akan berakhir pada 30 Jun ini.

untuk siasat dan mengambil tindakan serta mengenakan huku-

man sekiranya harga dikenakan oleh peniaga tersebut melebihi

kadar dibenarkan mengikut akta itu," katanya di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas harga ayam dijangka naik bulan depan apabila ia diapungkan ekoran berakhirnya skim harga maksimum runcit ayam pada 30 Jun ini.

Ketika ini, harga maksimum runcit ayam bulat standard adalah pada RM8.90 sekilogram dan ayam bulat super (disebelah dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal) pada RM9.90 sekilogram.

Ketika ditanya mengenai kadar harga tidak munasabah, Azman menjelaskan pihaknya mempunyai formula tertentu dalam memastikan tiada mana-mana pihak mengambil kesempatan terhadap pengapungan harga ayam itu.

"Contohnya, kalau dahulu keuntungannya sekilogram adalah RM1.50. Sekarang ini, apabila harga dibebaskan (apungkan), peniaga ambil untung RM3 sekilogram. Itu pencatutan.

"Konsep dan formulanya (dalam kesan peniaga yang mengaut untung berlebihan)," jelasnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.06.2022	KOSMO	DUNIA	34



DOKTOR halwan dari Jabatan Pertanian dan Perikanan menyediakan dos vaksin FMD untuk lembu ternakan. - ANTARA/MOHAMMAD AYUDHA

Indonesia mulakan vaksinasi lembu

BERITA SEBERANG

JAKARTA – Kementerian Per-tahanan Indonesia memulakan program vaksinasi pertama bagi mencegah penyakit mulut dan kaki (FMD) dalam kalangan lembu ternakan di daerah Sukoharjo dalam wilayah Jawa Tengah, lapor laman berita Merdeka semalam.

"Hari ini, kita berada di Suko-harjo untuk memulakan vaksi-

nasi bagi mencegah FMD.

"Selain vaksinasi, program ini diharapkan dapat mengawal pergerakan haiwan ternakan," kata Menteri Pertanian, Syahrul Yasin Limpo.

Menurut Syahrul, pada peringkat pertama, sebanyak 800,000 vaksin FMD yang sudah disediakan sejak beberapa hari lalu akan diuji di lapangan. Pihaknya juga telah menyediakan tiga juta vaksin FMD pada giliran yang sudah ditetapkan.

"Setiap wilayah dan daerah akan bekerjasama dengan universiti tempatan. Jadi, kita akan melibatkan pelajar, Tentera Nasional Indonesia dan Polis Republik Indonesia," katanya.

Sementara itu, bagi daerah Su-

koharjo sahaja, Syahrul berharap agar semua lembu akan disuntik dalam beberapa minggu ini.

"Selepas disuntik, semua haiwan yang telah divaksinasi akan mempunyai data digital yang memaparkan maklumat seperti penjagaan dan perlindungan.

"Pada aplikasi tersebut, lembu-lembu yang disuntik akan mendapat sijil," jelas beliau.

Ketua Jabatan Pertanian dan Perikanan daerah Sukoharjo, Bagas Windaryanto berkata, setakat 16 Jun lalu, terdapat 511 ekor lembu ternak di daerah tersebut dijangkiti FMD.

"Daripada jumlah tersebut, 67 ekor pulih, empat mati dan dua disembelih secara paksa," ujarnya. - AGENSI

Mahu jadi pengeluar daging lembu terbesar untuk penuhi permintaan domestik

Pelaburan berbaloi Radiance Agrotech

KOSMO: Boleh jelaskan secara ringkas mengenai Radiance Assets Berhad dan idea untuk meluaskan sayap pelaburan dalam bidang agroteknologi?

MOHD. EZMAN: Radiance Assets adalah sebuah syarikat pegangan pelaburan dipacu teknologi patuh syariah. Terdapat pelbagai segmen di bawah Kumpulan meliputi bidang kewangan, perubatan, teknologi hijau dan yang terkini, kami berkembang kepada segmen agroteknologi. Kami bermula daripada peringkat asas hanya dari rumah dengan lima orang dan kini kakitangan telah berkembang kepada lebih 100 orang.

Kenapa pilih bidang agroteknologi?

Negara sedang berdepan dengan masalah food security (keselamatan makanan), ia dilihat berada pada tahap kritikal yang mana tumpuan negara terhadap kadar peratusan bekalan import adalah tinggi. Bayangkan jika bekalan import dihentikan, apa akan jadi kepada rakyat di negara ini? Ia adalah satu perkara yang sangat menakutkan dan ia mungkin akan berlaku dalam tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.

Saya sebenarnya dilahirkan daripada keluarga bukan senang dan saya dapat merasai bagaimana keluarga B40 yang mahu membeli daging dengan harga kira-kira RM50 sekilogram (kg).

Sekiranya mereka mahu membeli tiga kg daging, maka ia akan melibatkan kira-kira 10 peratus daripada gaji bulanan dan pastinya mereka tidak akan membeli daging.

Apa misi syarikat dalam bidang baharu ini?

Radiance Agrotech melabur sebanyak RM1.1 bilion dalam bidang berpotensi ini dan syarikat menubuhkan pusat ternakan lembu berteknologi yang mana ia bukan mengejar keuntungan untuk syarikat semata-mata.

Ia lebih bersifat serampang dua mata dalam usaha membantu kerajaan menurunkan harga daging lembu di pasaran negara ini dalam membantu masyarakat berpendapatan rendah serta menampung keperluan pasaran ketika ini.

Pusat ternakan ini akan mewujudkan satu rantaian dalam ekonomi bermula dari ternakan hingga penghasilan daging segar yang tidak melibatkan



PETALING JAYA - Radiance Assets Berhad sebuah Kumpulan yang menjurus kepada bidang teknologi dan memiliki portfolio yang meluas dalam pelbagai segmen termasuk kewangan teknologi, kini mahu mengembangkan sayap pelaburannya di dalam bidang agroteknologi.

Pelaburan bernilai RM1.1 bilion dalam bidang tersebut melalui anak syarikatnya Radiance Agrotech Sdn. Bhd. sebagaimana diumumkan Pengerusi Eksekutif Kumpulan, Dr. Mohd. Ezman Zamani dalam satu temu bual bersama media baru-baru ini merupakan langkah tepat dalam menyediakan bekalan daging lembu secara berterusan untuk jangka panjang. Syarikat mahu membawa teknologi

SEMBANG KORPORAT



tinggi dari Belanda dengan kos yang mahal agar ladang penternakan lembu bebas daripada penyakit kaki dan mulut (FMD) selain menghasilkan produk terbaik dan berkualiti tinggi untuk semua rakyat daripada pelbagai peringkat pendapatan.

"Kami ingin membantu Keluarga Malaysia mendapatkan produk pada harga yang berpatutan dan tidak membebankan mereka. Pada masa sama, objektif ladang lembu ini juga bukan setakat untuk pasaran daging di Malaysia, sebaliknya akan dipasarkan kepada negara jiran pada masa akan datang apabila kami mendapat sijil bebas FMD," jelas beliau.



LADANG lembu berteknologi tinggi dapat menghasilkan daging berkualiti bagi memenuhi pasaran tempatan.



MOHD. EZMAN dalam satu temu bual bersama media di pejabatnya di Rawang, Selangor baru-baru ini.

orang tengah sebagaimana yang diperjuangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob sebelum ini.

Ia adalah ladang bersepadu apabila sistemnya bermula dengan ternakan, pembiakan dan persenyawaan, pemakanan, penyembelihan, pemrosesan, pembungkusan dan pemasaran sama ada di dalam dan luar negara.

Boleh jelaskan lebih lanjut mengenai ladang lembu berteknologi tinggi itu?

Kami mahu terapkan penggunaan teknologi tinggi dalam ladang ini yang mana melalui sistem canggih itu, hanya dua orang di dalam kandang, manakala makanan, air dan najis akan diturunkan secara automatik serta tiada sentuhan manusia.

Teknologi tinggi itu akan di bawa dari Belanda kerana di negara berkenaan, sebuah syarikat berjaya memternak 30,000 lembu tetapi di Malaysia kalau syarikat itu menghasilkan 5,000 ekor lembu, ia dianggap sebagai sebuah syarikat pengeluar lembu terbesar di negara ini. Bagaimanapun dengan jumlah tersebut juga, ia tidak dapat memenuhi permintaan pasaran tempatan. Oleh itu, kami mahu membawa masuk teknologi yang sudah terbukti walaupun ia menelan kos yang tinggi tetapi untuk jangka panjang ia berkaitan dengan kestertarian.

Apakah perancangan yang sedang dan terbaharu untuk dilaksanakan?

Kami menyasarkan untuk menghasilkan sehingga 50,000 ekor lembu dalam tempoh lima tahun akan datang dan muncul sebagai pengeluar utama daging di negara ini. Sebagai permulaan, syarikat sedang mengendalikan ladang yang menempatkan 400 ekor lembu di pusat penyembelihan di Bangi, Selangor yang beroperasi sejak awal tahun ini.

Kami juga dalam perancangan untuk membuka sebuah lagi cawangan di Johor tidak lama lagi.

Syarikat juga akan menawarkan segmen jualan produk siap daging lembu yang akan diedarkan di kedai-kedai Radiance Agrotech di bawah jenama RediMeat. Ini akan membolehkan kami menawarkan harga rendah dengan sasaran penurunan antara 10 hingga 20 peratus berbanding harga sekarang.

Terima sumbangan lembu, kambing korban RM5.05 juta

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor menerima sumbangan sebanyak 660 ekor lembu dan 1,000 ekor kambing bernilai RM5.05 juta untuk ibadah korban pada tahun ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, sumbangan tersebut diperoleh daripada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC), Pernerbadanan Menteri Besar (MBI) Selangor, anak-anak syarikat kerajaan negeri dan pelbagai agensi lain.

Menurutnya, haiwan-haiwan tersebut akan diagihkan kepada kira-kira 400 buah masjid dan surau, badan bukan kerajaan (NGO) serta pusat-pusat khidmat masyarakat di seluruh Selangor untuk me-


laksanakan ibadah berkenaan.

"Sebuah masjid atau surau akan dapat lebih kurang seekor lembu dan empat hingga lima ekor kambing berbanding dulu hanya seekor atau dua ekor lembu.

"Pusat khidmat masyarakat akan dapat dua ekor lembu dan 10 ekor kambing berbanding sebelum ini hanya dapat empat ekor lembu.

"Penyertaan dijangka lebih ramai tahun ini dan ia akan dilaksanakan di masjid dan surau atau mengikut penyelarasan pusat khidmat masyarakat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Perasmian Program Sumbangan Korban Negeri Selangor tahun 2022 di Dewan Raja Muda Musa di sini pada Ahad.



Amirudin (dua dari kanan) bersama Izham (tiga dari kanan) ketika melawat tapak pameran lembu dan kambing di hadapan Dewan Raja Muda Musa pada Ahad.



UMUM MENGELUH, PERSATUAN PENGGUNA MAHU PENJELASAN

Caj potong ayam **RM1!**

Oleh Ekhwan Haque
Fazlul Haque
ekhwan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Margin untung yang sangat rendah memaksa sesetengah peniaga mengenakan caj tambahan potong ayam antara 60 sen dan RM1 namun ia dianggap membebankan pengguna.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi Persatuan Pengguna Melayu Malaysia, Mohd Afiq Salim berkata, peniaga perlu memberikan penjelasan lanjut mengenai caj tambahan itu agar tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembeli.

Menurutnya, keadaan ini mungkin disebabkan margin untung yang terlalu kecil dan adakalanya merugikan mereka susulan penetapan harga siling ayam RM8.90 untuk sekilogram.

Katanya, tidak dinafikan



ORANG ramal membeli ayam segar di Pasar Chabang Tiga, Kuala Terengganu. - Gambar NSTP/GHAZALI KORI

tindakan itu membebankan pengguna namun ayam kini menjadi pilihan utama susulan kenaikan melampau harga ikan sejak kebelakangan ini.

"Peniaga perlu jelaskan kepada pengguna punca caj potong ayam terpaksa dikenakan agar tidak timbul

salah faham di antara mereka.

"Keadaan itu hanya berlaku sejak kebelakangan ini kerana peniaga terdesak untuk cover harga ayam mentah yang diambil dari ladang yang sudah melebihi harga siling atau rendah beberapa sen daripada harga ditetapkan

kerajaan.

"Pengguna juga harus lebih bijak memilih dan mengelak membeli ayam daripada peniaga yang mengenakan caj potong melampau," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata, kemelut itu sudah berlanjutan sejak

beberapa bulan lalu dan dibimbangi ada peniaga yang sengaja meletakkan caj tidak munasabah jika tidak dikawal kerajaan.

Menurutnya, polemik harga ayam itu perlu ditangani dengan seluruh rantaian pembekalan dan penjualan dicadangkan dipanggil Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Kini semua pihak mending jari antara satu sama lain namun yang tersepit adalah pengguna kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu.

"Penternak juga pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit," katanya.



Sumbangan korban

MENTERI Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari (tengah dari kanan) bersama Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur & Kemudahan Awam dan Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani, Ehsan Hashim (kanan) melihat lembu dari kambing (jalu) Program Sumbangan Korban Negeri Selangor 2022 di Dewan Raja Muda Musa Sekyen 7, Shah Alam, semalam.

Perlu 42,000 ekor tetapi ada 38k saja

Isu kekurangan lembu untuk Aidiladha dijangka selesai awal Julai

Alor Gajah

Isu kekurangan bekalan lembu hidup bagi ibadah korban dijangka selesai menjelang awal Julai ini termasuk tempoh kuarantin kemasukan lembu import yang dipendekkan kepada 14 hari.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar (DVS) Datuk Dr Norlizan Mohd Noor berkata, pihaknya sudah mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak berkuasa Thailand untuk menyelesaikan beberapa perkara teknikal dan protokol bagi membolehkan lembu dari Thailand masuk ke Malaysia dengan segera.

"Pada 17 Jun kita sudah menghantar satu surat terkini kepada pihak Thailand untuk meminta kerjasama mereka agar membenarkan pengeluaran sijil kesihatan veterinar bagi membolehkan lembu yang ada dalam stesen kuarantin di Thailand.

"Insya-Allah dalam tempoh yang



Kita masih bergantung harap untuk kemasukan segera lembu hidup dari luar khususnya daripada Thailand memandangkan saiz lembu yang diimport dari negara itu lebih sesuai bagi ibadah korban, seperti mana lembu yang ada di Malaysia"

Dr Norlizan Mohd Noor

terdekat, sebelum raya korban ini kita akan dapat selesaikan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke ladang ternakan ayam Leong Hup di Taboh Nanning, di sini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MFI) Datuk Badrul Hisham Mohd.

Jelasnya, Malaysia me-

melukan 42,000 lembu hidup bagi tujuan ibadah korban namun setakat ini bekalan lembu hidup tempatan hanya mampu membekalkan dalam lingkungan 38,000 ekor sahaja.

"Kita masih bergantung harap untuk kemasukan segera lembu hidup dari luar khususnya daripada Thailand memandangkan saiz lembu yang diimport dari negara itu lebih sesuai bagi ibadah korban, seperti mana lembu yang ada di Malaysia," jelasnya.

Mengulas lanjut, beliau berkata, mereka yang ingin melaksanakan ibadah korban juga tidak perlu bimbang dengan tempoh masa kuarantin, sekiranya lembu hidup dari Thailand itu dibenarkan memasuki Malaysia.

"Insya-Allah sempat sehab kita sudah tengok semua syarat protokol import kita dan perbincangan dengan peminat industri minggu lalu, telah memaklumkan tempoh kuarantin di Malaysia sudah disingkatkan dan kembali kepada

asal iaitu dari 30 hari ke pada 14 hari.

"Jadi Insya-Allah tempoh itu akan cukup untuk lembu keluar (kuarantin) sebelum Aidiladha," katanya.

Menyentuh mengenai rumah sembelihan yang akan digunakan sepanjang Aidiladha, Dr Norlizan menjelaskan jumlahnya masih belum ditetapkan, namun sudah terdapat permintaan daripada pelbagai pihak untuk menggunakan perkhidmatan di rumah sembelihan.

"Bukan saja ketika PKP, tetapi dalam keadaan sekarang pun kita masih haraj dan galakan penyembelihan dilaksanakan di rumah sembelih yang ditetapkan, sama ada kerajaan atau swasta.

"Untuk tahun ini kita jangkakan seperti tahun lepas juga, yang mana banyak rumah sembelihan sudah mula menerima tempahan bukan saja dari pihak berseorangan, tetapi juga berkumpulan yang hendak melakukan ibadah korban," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	16

Anjing dikatakan harimau putih

Rawang: Anjing disangka-kan harimau hingga men-cetuskan panik orang ramai dan pengunjung pusat re-kreasi Sungai Choh di sini.

Itu yang berlaku apabila Jabatan Perlindungan Hi-dupan Liar dan Taman Ne-gara (Perhilitan) Selangor menerima aduan kononnya harimau putih muncul di lokasi itu sebelum visual 'harimau' dikongsi di media sosial.

Pengarah Perhilitan Se-langor Dennis Ten Choon Yung berkata, pihaknya se-gera menjalankan siasatan di lokasi kejadian jam 3.15 petang kelmarin susulan maklumat diterima.

"Siasatan mendapati tiada kesan kehadiran ha-rimau putih seperti didak-wa dan tular di media sosial sebelum ini.

"Selain itu, penduduk se-tempat menafikankan dak-waan kewujudan hidupan liar berkenaan," katanya, se-malam.

Kelmarin, tular di media sosial video memaparkan seorang wanita merakam kelibat haiwan dipercayai harimau ketika mandi di sungai berkenaan.

Video itu mendapat pel-bagai reaksi netizen dengan rata-ratanya memaklum-kan ia hanya anjing dan bu-kan harimau putih.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
20.06.2022	HARIAN METRO	GLOBAL	27

Kucing makan tuan

Mayat wanita jadi santapan binatang peliharaan kelaparan

Agensi

Moscow

Dimakan 20 kucing peliharaan sendiri. Itu yang berlaku kepada mayat seorang wanita di bandar Bataysk di Rostov Oblast, Rusia yang meninggal dunia di rumahnya.

Mirror pada Sabtu melaporkan wanita itu meninggal dunia dua minggu lalu sebelum ditemukan dan dia dimakan kucing daripada baka Maine Coon yang dipeliharanya.

Ketika ditemukan polis, mayatnya dikelilingi kucing-kucing berkenaan yang diketahui umum dengan sifat pasif dan lembut.

Bagaimanapun, dalam keadaan lapar selama beberapa minggu, kucing berkenaan bertindak di luar kawalan untuk bertahan dan terus hidup.

Penyelamat haiwan itu berkata, kucing itu bertindak memakan tuan mereka kerana tidak ada makanan dan sangat lapar.

"Kucing-kucing itu dibiarkan selama dua minggu tanpa makanan. Itu kita



“
Ia memakan tuannya kerana tidak ada makanan dan sangat lapar
”
Penyelamat haiwan

ANTARA kucing peliharaan yang memakan mayat tuannya akibat kelaparan. Foto Agensi

faham. Mereka makan apa yang ada," katanya. Beberapa kucing milik wanita itu yang masih sihat dijual kepada pemilik baharu pada harga GBP30 (RM163) seekor.

Kejadian haiwan makan tuan bukanlah isu baharu kerana kejadian sama dilaporkan tahun lalu di Madrid, Sepanyol.

Dalam kejadian itu, jiran terpaksa menghubungi polis selepas tercium bau bu-

suk dan mendapati banyak lalat di sekitar rumah mereka.

Mangsa dimakan oleh tujuh kucing dengan lima daripadanya ditemukan mati di sisi mayat berkenaan.

Bunyi di telefon bimbit selamat anak kucing

Washington: Pihak berkuasa di Virginia menyelamatkan seekor anak kucing dari longkang menggunakan peralatan dan telefon bimbit yang digunakan untuk menghasilkan bunyi kucing, lapor Portal UPI.com pada Jumaat.

Pegawai Penjagaan dan Kawalan Haiwan Petersburg bersama kakitangan dari Kerja Raya Petersburg dan Jabatan Bomba Petersburg menerima aduan selepas seorang pegawai polis di South Jones Street melaporkan mendengar bunyi anak kucing di dalam longkang.

Pegawai Kawalan Haiwan Jessica Calloway cuba men-

capai anak kucing itu dengan memanjat ke lubang berhampiran, tetapi anak kucing itu ketakutan dan akan melarikan diri apabila didekati.

Penyelamat akhirnya menggunakan telefon bimbit untuk memainkan bunyi kucing yang menarik anak kucing itu keluar.

Ia kemudian keluar dari persembunyiannya ke arah Calloway yang kemudian boleh ditangkap.

Penjagaan dan Kawalan Haiwan dalam catatan Facebook memuji Calloway dan menganggapnya seorang yang benar-benar prihatin. - Agensi

'Peniaga digesa perjelas isu caj potong ayam'

Kuala Lumpur: Margin untung yang sangat rendah memaksa se-setengah peniaga ayam mengemukakan 'caj potong' antara 60 sen hingga RMI, namun ia dianggap membebankan pengguna di sebaliknya kenaikan kos sara hidup.

Pengerusi Biro Keusahawanan dan Sosioekonomi, Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Mohd Afiq Salim, berkata peniaga perlu memberikan penjelasan lanjut mengenai caj tambahan itu supaya tidak timbul kekeliruan dalam kalangan pembeli.

Beliau berkata, keadaan itu mungkin disebabkan margin untung yang terlalu kecil ada kalanya merugikan mereka susulan penetapan harga siling ayam RM8.90 untuk sekilogram.

Katanya, tidak dinafikan tindakan itu membebankan pengguna, namun ayam kini menjadi pilihan utama susulan kenaikan melampau harga ikan sejak kebelakangan ini.

"Peniaga perlu jelaskan kepada pengguna punca caj potong ayam terpaksa dikenakan supaya tidak timbul salah faham.

"Keadaan ini hanya berlaku sejak kebelakangan ini kerana peniaga terdesak untuk cover harga ayam mentah yang diambil dari ladang yang sudah melebihi harga siling atau rendah beberapa sen daripada harga ditetapkan kerajaan.

"Pengguna juga harus lebih bijak memilih dan mengelak membeli ayam daripada peniaga yang mengenakan caj potong melampau," katanya ketika dihubungi semalam.

Mohd Afiq berkata, kemelut isu itu sudah berlanjutan sejak beberapa bulan lalu dan dibimbangi ada peniaga yang sengaja meletakkan caj tidak munasabah jika tidak dikawal kerajaan.

"Polematik harga ayam perlu ditangani dengan seluruh rantai pembekalan dan penjualan dipanggil Kementerian Pertanian

dan Industri Makanan (MAFI) serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi mencari penyelesaian jangka pendek dan panjang.

"Kini semua pihak menuding jari antara satu sama lain, namun yang tersepit pengguna kerana tiada pilihan lain untuk mendapatkan bekalan bahan mentah itu.

"Penternak dan pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit," katanya.

Sejak kebelakangan ini, ada di antara peniaga ayam yang mengenakan caj potong untuk ayam antara 60 sen hingga RMI untuk sekor ayam.

Keadaan itu dikatakan berpunca daripada harga siling ayam yang dikatakan terlalu rendah untuk peniaga kerana kos ayam mentah yang diterima daripada

Penternak dan pemain utama industri pembekalan ayam perlu dipanggil supaya penjelasan lanjut diberikan kerana akhirnya pembeli serta pengguna tidak tersepit



Mohd Afiq Salim,
Pengerusi Biro
Keusahawanan dan
Sosioekonomi PPMM

penternak juga tinggi.

Peniaga mendakwa, hanya memperoleh 50 sen bagi sekor ayam yang dikatakan tidak mampu menampung kos jualan dan pekerja.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengurusan Datuk Seri Alexander Nanta Linggi sebelum ini dilaporkan berkata, kementeriannya akan memantau aduan mengenai caj tambahan upah memotong ayam.